



KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	27/07/2023
CATATAN		

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my

BATAL NAMA DARIPADA DAFTAR MUALAF

Kuala Lumpur

Jabatan Peguam Negara (AGC) membantah permohonan seorang wanita dari Sarawak untuk mendapatkan kebenaran bagi memulakan semakan kehakiman bagi meminta Pendaftaran Wilayah Persekutuan Mualaf membatalkan namanya daripada Daftar Mualaf.

Peguam Persekutuan, Mohammad Sallehuddin Md Ali memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa permohonan itu tidak dibenarkan untuk semakan kehakiman menurut Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan.

"Permohonan pemohon adalah remeh dan menyusahkan dan harus ditolak oleh mahkamah," katanya.

Peguam wanita itu, Iqbal Harith Liang berhujah bahawa permohonan itu tidak dihalang oleh Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan.

"Kewajipan Pendaftar Mualaf di sisi undang-un-

AGC bantah permohonan

dang untuk memutuskan permohonan pemohon keluar daripada agama Islam adalah tersirat dalam Seksyen 89 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).

"Pemohon memohon kebenaran diberikan untuk prosiding semakan kehakiman dimulakan terhadap responden," katanya.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, Hakim Datuk Ahmad Kamal Md Shahid menetapkan 21 September depan untuk menyampaikan keputusannya mengenai bantahan AGC.

Wanita berusia 26 tahun memfailkan permohonan itu pada 20 April lalu dan menamakan Pendaftar Wi-

Bagaimanapun, pada 27 Januari tahun lalu, pemohon berkrar dalam affidavit bahawa dia mahu meninggalkan Islam dan kembali sebagai seorang Kristian.

layah Persekutuan Mualaf, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Malaysia sebagai responden.

Wanita terbabit dalam affidavit sokongannya menyatakan pada awal 2017, pemohon bertemu dengan seorang lelaki Melayu Islam yang mempelawanya untuk berkahwin.

Oleh itu, bagi membolehkan perkahwinan mereka

dari sudut pentadbiran, dia kemudian memeluk Islam pada 18 Ogos 2017 dan mendaftar sebagai seorang mualaf dengan responden pertama.

Bagaimanapun, pada 27 Januari tahun lalu, pemohon berkrar dalam affidavit bahawa dia mahu meninggalkan Islam dan kembali sebagai seorang Kristian.

Pada 30 Januari, 20 Februari dan 17 Mac 2023, pemohon melalui peguam caranya mengeluarkan surat kepada responden pertama untuk memohon namanya dibatalkan daripada Daftar Mualaf, setakat tarikh pemfailan permohonan, responden pertama tidak memberikan sebarang keputusan mengenai permohonannya itu.